

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, November 14, 2017 3:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Lancar Lima Buku Teks Pusat Pengajian



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



14 NOVEMBER 2017 / 25 SAFAR 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR LANCAR LIMA BUKU TEKS PUSAT PENGAJIAN



UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak telah melancarkan lima buah buku teks pusat pengajian di pejabatnya, semalam.

Idea untuk menerbitkan buku teks pusat pengajian UUM merupakan ilham Naib Canselor sendiri yang mahukan buku-buku teks pengajian dihasilkan dan digunakan oleh pensyarah dan para pelajar UUM melalui pusat pengajian masing-masing.

Menurut Pengarah UUM Press, PM Dr. Ram Al-Jaffri Saad, penghasilan buku teks oleh pensyarah yang mengajar subjek di pusat pengajian amat relevan dan membantu mengurangkan kebergantungan kepada buku teks asing sekali gus menambah jumlah penerbitan UUM.

“UUM Press sebagai penerbit telah mengambil langkah dalam menerbitkan buku tersebut dengan kerjasama penuh dengan semua pusat pengajian dan buat permulaan sebanyak lima judul buku teks yang berjaya diterbitkan dan telah digunakan oleh pelajar pada semester ini.

“Antara buku yang berjaya disiapkan dan digunakan bagi semester ini ialah buku *Collection of Comprehensive Case* dan *Business Accounting* daripada Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz; *Prinsip Undang-undang Di Bawah Akta Syarikat 2016* dan *Undang-Undang Perniagaan di Malaysia* dari Pusat Pengajian Undang-undang dan *Build Apps With MATLAB* oleh Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik,” ujarnya.

Manakala empat judul buku teks yang akan digunakan pada semester hadapan yang masih dalam proses akhir penerbitan seperti *Pengorganisasian Organisasi* (Pusat Pengajian Pengkomputeran), *Introduction to Human Resource Management In Tourism and Hospitality Industry* (Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara), *Pengantar Psikologi* (Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial) dan *Kenegaraan Malaysia* (Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden).

“Pihak UUM Press akan terus berusaha dalam menerbitkan lebih banyak judul buku teks dalam memenuhi subjek pengajian di UUM melalui perancangan dan kerjasama daripada pihak pusat-pusat pengajian di UUM,” tambahnya.

Kerjasama menarik ini menyaksikan pemberian royalti sebanyak 25% daripada hasil jualan buku. Daripada jumlah tersebut, 15% akan dibayar kepada para pensyarah yang terlibat manakala 10% lagi akan dibayar kepada pusat pengajian yang dimasukkan dibawah akaun pembangunan pelajar.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.